

10/09/1998

Usah pengaruhi pelajar: Shahidan

Fazli Arman

KANGAR, Rabu - Pertubuhan dan badan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan Islam dinasihatkan supaya tidak mempergunakan pelajar bagi memperjuangkan kepentingan politik dan individu tertentu.

Sebaliknya, pertubuhan dan NGO terbabit disaran memberi tumpuan kepada usaha membantu menangani masalah yang dihadapi negara, termasuk kegawatan ekonomi sekarang.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata langkah itu lebih berfaedah berbanding gerakan reformasi yang cuba dilakukan kumpulan tertentu kerana ia boleh menggawatkan lagi masalah yang dihadapi negara.

"Kalau pihak terbabit menyatakan kononnya tindakan mereka itu demi menegakkan keadilan, adakah selama ini kerajaan bersikap tidak adil," katanya di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas usaha beberapa pertubuhan Islam membentuk apa yang mereka namakan 'gerakan reformasi' bertujuan membangkitkan kesedaran umum mengenai 'ketidakadilan' pemecatan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Kabinet dan pemecatan keahliannya dalam Umno.

Pergerakan yang diketuai Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) itu, turut disertai Jemaah Islah Malaysia (Jim), Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) dan Akademi Sains Islam Malaysia (Asasi).

Shahidan berkata, pihaknya tidak mempunyai kuasa untuk menyekat pertubuhan dan NGO terbabit melakukan gerakan reformasi di Perlis kerana ia di luar bidang kuasa kerajaan negeri.

"Bagaimanapun, kita tidak mahu sebarang tindakan yang boleh menjejaskan perpaduan masyarakat serta merosakkan masa depan pelajar yang dipergunakan," katanya.

Beliau turut melahirkan rasa kesal kerana sebahagian besar pelajar terbabit dalam kegiatan seumpama itu adalah Bumiputera, sedangkan mereka perlu menumpukan perhatian terhadap pelajaran.

"Rata-rata pelajar Bumiputera ketinggalan dalam pencapaian akademik berbanding bangsa lain dan perkara ini perlu diberi perhatian, bukan menyertai gerakan yang boleh menjejaskan masa depan mereka.

"Persatuan dan NGO pula sepatutnya sedar dengan memberi perhatian terhadap perkara itu, bukan membabitkan pelajar dalam kegiatan yang akan menjejaskan mereka serta mengecewakan ibu bapa mereka," katanya

Shahidan juga berkata isu moral yang diperjelaskan oleh Presiden Umno itu kepada perwakilan bahagian semalam, perlu diterima oleh semua rakyat, khususnya ahli Umno.

"Ini kerana, sebanyak mana pun penjelasan dibuat oleh Dr Mahathir mengenai perkara itu, sudah pasti masih ada pihak yang mahu ia terus diperincikan lagi. Penjelasan lebih lanjut hanya boleh dilakukan mengikut undang-undang.

"Ahli parti perlu menerima kenyataan itu tanpa menjadikan ia sebagai isu yang boleh dimainkan oleh pihak pembangkang," katanya.

Shahidan berkata, penjelasan Perdana Menteri itu cukup untuk menggambarkan keadaan sebenar dan tidak harus dipertikai serta dipersoal oleh mana-mana pihak.

"Bukan mudah bagi Perdana Menteri membuat keputusan pemecatan itu dan sudah tentu ia dilakukan kerana terdapat alasan kukuh serta munasabah yang sudah diusul periksa terlebih dulu," katanya.

Beliau berkata, walaupun Perdana Menteri mempunyai hak melucutkan jawatan timbalannya, beliau tetap mendapatkan pandangan Pengerusi Barisan

Nasional (BN) negeri berhubung tindakan itu, manakala penyingkiran Anwar daripada Umno diputus sebulat suara oleh Majlis Tertinggi (MT).

Mengenai penjelasan kepada ahli Umno di negeri ini, Shahidan berkata penerangan di peringkat bahagian sudah dilakukan dan akan diteruskan ke peringkat kawasan.

(END)